

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN WONG LING BIU**  
**KAWASAN : SARIKEI**  
**TARIKH : 25 NOVEMBER 2014, SELASA**

**SOALAN:**

**YB. TUAN WONG LING BIU (SARIKEI)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan setakat manakah proses peningkatan kualiti Pan-Borneo Highway yang telah dijalankan. Bilakah Kerajaan Pusat akan siap mempertingkatkan mutu Pan-Borneo Highway.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek membina dan menaik taraf Jalan Pan Borneo di Sabah dan Sarawak adalah projek yang menjadi keutamaan kementerian ini dalam setiap Rancangan Pembangunan 5 Tahun Kerajaan.

Pada tahun 2014 ini Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM500 juta bagi melaksanakan projek membina dan menaik taraf Jalan Pan Borneo. Daripada jumlah tersebut, peruntukan RM100 juta akan dibelanjakan untuk projek-projek sambungan yang telah komited, manakala RM400 juta lagi baki peruntukan tersebut akan dibelanjakan untuk melaksanakan projek-projek baru yang telah diluluskan seperti senarai berikut:

### **Sarawak:**

- (a) Menaik taraf Jalan dari Simpang Nyabau ke Jalan Simpang Bakun (44km);
- (b) Menaik taraf Jalan Batu 10 ke Batu 15, Jalan Kuching – Serian (8km); dan
- (c) Membina 22 Lorong Memotong di Sarawak;

**Sabah:**

- (a) Menaik taraf Jalan Donggongan ke Simpang Papar Spur, Pakej 1 (13.7km);
- (b) Menaik Taraf Jalan Petagas ke Lok Kawi, Pakej 1A dan 1B (6km);
- (c) Menaik Taraf Jalan Tawau ke Semporna dari Persimpangan Lapangan Terbang Tawau ke Pekan Semporna, Fasa 1 (15km); dan
- (d) Menaik Taraf Jalan Segama Lahad Datu, Fasa 1 (5.6km).

Di samping itu, kementerian ini komited untuk meneruskan pelaksanaan program-program keselamatan di sepanjang Jalan Pan Borneo, iaitu melibatkan skop menaik taraf lokasi kerap berlaku kemalangan (blackspots) dan pelbagai projek kecil lain yang berkaitan. Untuk itu, terdapat 109 bilangan projek dengan kos projek sebanyak RM457 juta telah diluluskan bagi tempoh pelaksanaan dari tahun 2012 hingga 2015.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mempercepatkan lagi pelaksanaan projek Jalan Pan Borneo ini, Kerajaan secara prinsipnya telah bersetuju untuk melaksanakan projek tersebut menerusi inisiatif daripada pihak swasta. Pada masa kini, Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS, JPM) sedang meneliti dan memperincikan cadangan oleh pihak swasta yang berminat untuk melaksanakan projek Lebuhraya Pan Borneo di Sabah dan Sarawak.

Sekian. Terima kasih.

**NO. SOALAN: 38**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2014 (Selasa)**

**SOALAN :**

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [ Kota Kinabalu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rancangan Kerajaan bagi menyusun semula perkampungan setinggan di kawasan persisiran pantai Timur Sabah yang dianggap sebagai ancaman. Nyatakan bilangan dan nama kampung yang dikenal pasti serta bilangan orang, bangsa dan status warganegara dalam perkampungan setinggan tersebut.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemindahan penduduk di perkampungan atas air di Sandakan dan Semporna, Sabah adalah mengikut tahap risiko keselamatan yang dinilai oleh agensi keselamatan dan ESSCOM. Penduduk yang bertaraf warganegara akan dipindahkan secara berperingkat-peringkat. Ini bergantung kepada hasil kajian dan bancian ESSCOM yang merangkumi kawasan tanah yang sesuai, kos pembinaan rumah dan kemampuan kewangan Kerajaan.

Untuk makluman, ESSCOM telah menjalankan bancian di 8 buah kampung di kawasan Mukim Simunul, Semporna pada 29 Julai sehingga 1 Ogos 2013. Kampung-kampung yang terlibat adalah seperti berikut:

- i. Kampung Sri Jaya
- ii. Kampung Sri Aman
- iii. Kampung Mesra
- iv. Kampung Dap-Dap
- v. Kampung Aisbox
- vi. Kampung Sejati
- vii. Kampung Selamat
- viii. Kampung Batu

Hasil dapatan bancian mendapati bahawa 63% atau 8,260 penduduk adalah bertaraf warganegara manakala baki 34% atau 4,703 adalah bukan warganegara.

ESSCOM juga telah mengenalpasti 1371 buah rumah yang perlu dibina bagi usaha pemindahan penduduk-penduduk di kawasan Mukim Simunul. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 832 Projek Perumahan Rakyat (PPR) telah dibina berdasarkan peruntukan Kerajaan dan kemajuan pembinaan projek tersebut telah mencapai 85%.

Di samping itu, ESSCOM telah menjalankan bancian di 5 buah perkampungan di Sandakan pada 15 sehingga 17 Februari 2014. Antara kampung yang terlibat adalah seperti berikut:

- i. Kampung Mangkalinau
- ii. Kampung Cahaya Baru
- iii. Kampung Muhibbah
- iv. Kampung Forest
- v. Kampung Good View

Hasil dapatan bancian mendapati 45% atau 2,089 adalah bertaraf warganegara dan baki 55% atau 2,569 adalah bukan warganegara. Sehubungan dengan itu, kawasan penempatan baru seluas 60 ekar telah dikenalpasti oleh ESSCOM dan Majlis Perbandaran Sandakan. Analisa terhadap data kajian menunjukkan bahawa sebanyak 2,089 unit rumah perlu dibina bagi penempatan baru penduduk kampung atas air yang terlibat.

Sekian. Terima kasih.